

Latih siswa imarah masjid



Program Minal Jami'ah Ilal Masjid yang diadakan di Masjid Perpindahan Kampung Mentiri.



Para mahasiswa turut mengadakan Majlis Tahlil di Kubah Makam Diraja sempena Minggu Ta'aruf UNISSA.

BANDAR SERI BEGAWAN, 2 Ogos - Universiti Islam Sultan Sharif Ali (UNISSA), melalui Bahagian Hal Ehwal Pelajar dengan kerjasama Majlis Perwakilan Pelajar telah mengadakan Program Minal Jami'ah Ilal Masjid bagi mahasiswa tahun pertama sesi pengajian 2015/2016M sempena Minggu Ta'aruf Pelajar Baru bertempat di Masjid Perpindahan Kampung Mentiri, baru-baru ini.

Kira-kira 100 orang menghadiri program berkenaan, yang turut dihadiri oleh Penolong Rektor UNISSA, Dr. Arman bin Haji Asmad selaku tetamu kehormat.

Acara dimulakan dengan sembahyang fardu Maghrib berjemaah yang telah diimamkan oleh imam masjid berkenaan, Awang Abdul Aziz bin Haji Abdullah yang seterusnya mengepalai bacaan Surah Yasin dan Tahlil.


Program ini diserikan lagi dengan tazkirah yang telah disampaikan oleh Pensyarah Fakulti Usuluddin, UNISSA, Haji Ahmad Baha bin Haji Mokhtar.

Antara tujuan program adalah bagi melatih para mahasiswa untuk mengimarahkan masjid di samping dapat mengeratkan silaturahim antara para mahasiswa dan ahli jawatankuasa takmir masjid.

Ia juga bertujuan bagi memberikan pendedahan kepada para mahasiswa untuk mengetahui kegiatan-kegiatan yang dilaksanakan oleh pihak masjid.

Sebelum Program Minal Jami'ah Ilal Masjid diadakan pada sebelah malam, para mahasiswa turut membaca Surah Yasin dan Tahlil di Kubah Makam Diraja, Jalan Tutong dan Makam Sultan Sharif Ali, Jalan Kota Batu.

Bertahlil di Kubah Makam Diraja sempena Hari Raya



Jabatan Hal Ehwal Masjid meriahkan Sambutan Hari Raya Aidilfitri dengan bertahlil di Kubah Makam Diraja.

Oleh Yusrin Junaidi

BANDAR SERI BEGAWAN, 2 Ogos - Sempena Hari Raya Aidilfitri ini, Jabatan Hal Ehwal Masjid melalui Unit Belia, Bahagian Imarah dengan kerjasama pejabat-pejabat hal ehwal masjid dari keempat-empat daerah serta imam-imam masjid, hari ini, telah mengadakan Majlis Tahlil di Kubah Makam Diraja.

Rombongan berkenaan telah diketuai oleh Pemangku Penolong Pengarah Hal Ehwal Masjid, Haji Amir Hisham bin Haji Masri.

Bacaan Surah Yasin, Tahlil dan doa

telah dipimpin oleh Awang Mohd Taufiq bin Haji Abdul Rahman.

Objektif majlis ini adalah untuk menerapkan sifat taat dan hormat kepada pemimpin, meningkatkan fahaman Hablumminallahi Wahablum Minan Nass, di samping mengeratkan hubungan silaturahim para belia yang datang dari kawasan berbeza.

Selain itu, ia juga melatih para ahli kumpulan belia masjid untuk terus bergiat aktif dalam aktiviti keagamaan, dan menambah keyakinan para belia masjid dalam bergaul sesama pihak Jabatan.

Pelajar fahami fungsi Pejabat Peguam Negara

BANDAR SERI BEGAWAN, 2 Ogos - Sebagai usaha berterusan bagi menarik dan menggalakkan lebih ramai penuntut bagi memasuki kerjaya perundangan, Pejabat Peguam Negara, kelmarin, telah meneruskan taklimat dalam Program Hala Tuju "Yang Mana Satu" Selepas 'O'Level.

Taklimat bagi Sekolah Menengah Pengiran Anak Puteri (SM PAP) Hajah Rashidah Sa'adatul Bolkiah dan Maktab Anthony Abell itu diadakan di SM PAP Hajah Rashidah Sa'adatul Bolkiah, Lumut.

Menyampaikan taklimat pada majlis itu ialah penasihat undang-undang dari Pejabat Peguam Negara, Hajah Zatil Aqilah binti Dato Paduka Haji Metassan, Dayangku Hazirah binti Pengiran Mohd Yusof dan Dayang Nurul Fitri binti Kiprawi.

Menurut kenyataan Pejabat Peguam Negara, taklimat ini berobjektif untuk berkongsi dengan pelajar mengenai fungsi Pejabat Peguam Negara dan juga kehidupan harian sebagai Penasihat Undang-Undang (Peguam) di Pejabat Peguam Negara dan juga pilihan yang boleh dibuat oleh pelajar untuk mengikuti Ijazah Undang-Undang, yang boleh diikuti bukan sahaja di luar negara seperti di United Kingdom, Australia dan Malaysia, tetapi juga di institusi tempatan seperti di Universiti Sultan Sharif Ali (UNISSA).

Taklimat tersebut diikuti dengan sesi soal jawab antara penasihat undang-undang dan para penuntut di mana pelajar diberikan peluang untuk mengetahui lebih lanjut mengenai peluang pekerjaan di Pejabat Peguam Negara.



Salah seorang penasihat undang-undang dari Pejabat Peguam Negara ketika menyampaikan taklimat di majlis itu.